

UIAM ambil langkah jimat elektrik di kampus

Berita Harian 27 Oct 2016

Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menandatangani memorandum

persefahaman (MOU) dengan syarikat Cenergi SEA Sdn Bhd (Cenergi) menerusi Perjanjian Keupayaan Penjimatan Tenaga (ESPA), di sini, kelmarin.



Dr Abdelaziz (kiri) dan Ezham menunjukkan dokumen MOU yang ditandatangani bersama.

Timbalan Rektor Pengantarabangsaan, Hubungan Industri dan Komuniti UIAM, Prof Dr Abdelaziz Berghout, berkata kolaborasi itu bertujuan memperkasa kelestarian teknologi hijau terutama di sekitar kampus universiti itu.

Beliau berkata, melalui kerjasama itu Cenergi akan membangunkan panel elektrik solar, pemanas air solar dan pelbagai peralatan canggih yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di UIAM.

Mereka bentuk

Katanya, Cenergi akan mereka bentuk dan membina solusi pemuliharaan serta penyaluran tenaga membabitkan setiap bangunan di Kampus UIAM di Gombak.

"Dengan perjanjian itu, akan dapat meningkatkan lagi kecekapan penggunaan dan penjimat tenaga tenaga elektrik di kampus UIAM sehingga kira-kira 33 peratus," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MOU berkenaan di UIAM, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, UIAM diwakili oleh Abdelaziz, manakala Cenergi diwakili oleh Ketua Pegawai Operasinya (COO), Ir Ezham Abdul Khalid.